

28/07/2000

Eco-Challenge mampu tarik pelancong

KOTA KINABALU, Khamis - Pertandingan pengembaraan lasak Eco-Challenge yang akan diadakan di Sabah pada 20 Ogos hingga 2 September depan, mampu memperkenalkan tarikan pelancongan di negeri ini dan Malaysia kepada masyarakat dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pertandingan bertaraf dunia itu mampu menarik minat lebih ramai pelancong ke sini.

"Oleh itu pertandingan ini yang dianggarkan ditonton kira-kira 144 juta penonton dari 145 negara memberi peluang masyarakat di seluruh dunia mengenali negara ini," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Penyampaian Tajaan Pertandingan Eco-Challenge Sabah 2000 di Hotel Magellan Sutera di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata, keadaan aman serta kehidupan harmoni masyarakat negara ini, adalah antara kelebihan yang mampu menarik kehadiran pelancong.

Katanya, pelancong asing juga tidak perlu risau ketika berada di mana-mana tempat di negara ini, manakala rakyatnya walaupun berbilang etnik dan suku kaum, tidak menghadapi masalah untuk hidup bersama.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyerahkan Jalur Gemilang kepada dua pasukan yang akan mewakili Malaysia pada pertandingan berkenaan.

Dua pasukan itu ialah Toyota 2020 yang dianggotai Chan Yuen Li, Mohd Puzi Dollah, Geoffrey Kronenburg dan Kunyun Sidau manakala pasukan Sabah dianggotai Koboi Malia, Guainus Salagan, Kona Liau serta Ahmadul Tahir.

Sebanyak 79 pasukan dari 26 negara sudah mengesahkan penyertaan dalam pertandingan yang membabitkan pengembaraan sejauh kira-kira 500 kilometer termasuk merentas hutan, berkayak, menjelajah gua, berbasikal di pergunungan, berkayuh dengan kanu, belayar dengan perahu dan menyelam.

Antara penaja utama acara itu ialah Yayasan Sabah berjumlah RM2.6 juta, Telekom Malaysia (RM1.2 juta) dan Penerbangan Sabah (RM1.2 juta).

(END)